



JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Aras 25-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

Telefon : 603-8891 5000
Faksimile : 603-8891 3090
Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Klit.4 ()
Tarikh : Feb. 2021

EDARAN MELALUI PORTAL JKT:

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID 04/2021 (24 HINGGA 30 JAN. 2021)

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu epid 04/2021, sebanyak **586 kes** Demam Denggi dengan 2 kes kematian dilaporkan, iaitu berlaku penurunan kes sebanyak **152 kes (20.6%)** berbanding minggu epid 03/2021 iaitu **738 kes** dan tiada **kes kematian** dilaporkan. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan sehingga 30 Januari 2021 adalah sebanyak **2,722 kes** berbanding **12,592 kes** bagi tempoh yang sama pada tahun 2020, iaitu berlaku penurunan sebanyak **78.4%** (9,870 kes). Perbandingan bilangan kes pada tahun 2020 dan 2021 ditunjukkan di **Lampiran A**.

3. Pada **minggu epid 04/2021**, sebanyak **15 lokaliti hotspot aktif** dilaporkan di seluruh negara berbanding **18 lokaliti** pada **minggu epid 03/2021**. Ini menunjukkan **penurunan** sebanyak **16.7% (3 lokaliti)**. Maklumat lokaliti *hotspot* mengikut negeri dan PBT adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot*, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada (5) lima kawasan utama pembiakan aedes seperti taman mainan atau rekreasi, tumpuan awam, tanah atau lot kosong, kilang atau gudang dan tempat pembuangan sampah bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal. Selain itu aktiviti promosi kesihatan juga perlu ditingkatkan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang aspek pencegahan dan pengawalan denggi.

Ruj.Kami: JKT.KS.1400-2 Klt.4 ()
Tarikh : Feb. 2021

5. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, situasi semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat-turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat <https://jkt.kpkt.gov.my/>.
6. Kerjasama dan komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

-melalui emel-


(OOI POH KEONG)

Pengarah

Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



LAMPIRAN B**JUMLAH HOTSPOT AKTIF MINGGU EPID (ME) 3 DAN 4 MENGIKUT NEGERI
TAHUN 2021**

Bil.	Negeri	Minggu Epid 3		Minggu Epid 4	
		Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat	Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat
1.	Selangor	15	5	11	5
2.	Wilayah Persekutuan	0	0	1	1
3.	Negeri Sembilan	2	1	2	1
4.	Sabah	1	1	1	1
	JUMLAH	18	7	15	8

BILANGAN HOTSPOT AKTIF DI NEGERI SELANGOR

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	ME03/2021	ME04/2021
1.	MP Kajang	7	4
2.	MP Subang Jaya	3	4
3.	MB Shah Alam	2	1
4.	MB Klang	2	0
5.	MP Selayang	1	1
6.	MP Petaling Jaya	0	1
	JUMLAH	15	11

BILANGAN HOTSPOT AKTIF DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	ME03/2021	ME04/2021
1.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	0	1
2.	Perbadanan Putrajaya	0	0
	JUMLAH	0	1